

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XVI)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB. ONG KHAN LEE.**

13. Ekoran daripada kesan pandemik COVID-19, adakah Kerajaan Negeri masih berhasrat untuk menaikkan cukai pintu?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

13. Senarai Nilaian yang diguna pakai oleh kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah digunakan selama 14 tahun iaitu mulai tahun 2005 dan telah tamat tempoh pada 31 Disember 2019. Pihak Berkuasa Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) telah melanjutkan Senarai Nilaian sedia ada sebanyak tujuh (7) kali iaitu dari tahun 2005 berdasarkan peruntukan Seksyen 137(3) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ini menunjukkan kadar (cukai taksiran) ke atas pegangan sedia ada yang ditentukan berdasarkan nilai tahunan pegangan atau atas nilai tambah pegangan (kadar sewa) tidak disemak semula selama 14 tahun.

Menurut Seksyen 137 Akta Kerajaan Tempatan 1976, penyediaan Senarai Nilaian baharu adalah perlu kerana telah melewati tempoh 5 tahun sepertimana yang telah diperuntukkan di bawah Akta tersebut. Sehubungan dengan itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan telah meluluskan cadangan pelaksanaan Senarai Nilaian baharu yang mengandungi Nilai Tahunan Baharu Harta-Harta Berkadar serta Kadar-Kadar Peratus Baharu bagi kedua-dua PBT untuk dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2020 menurut Seksyen 143(1), Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Bagi memastikan kenaikan cukai taksiran oleh MBPP dan MBSP tidak akan membebankan rakyat Negeri Pulau Pinang, kedua-

dua PBT perlu mendengar semua bantahan yang diterima dan mempertimbangkan alasan-alasan atau justifikasi yang dikemukakan sepertimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 142 Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Sepertimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 142 Akta Kerajaan Tempatan 1976, pemilik harta yang tidak berpuas hati dengan Nilaian Tahunan Baharu boleh membuat bantahan secara bertulis berserta alasan-alasan bantahannya. Setiap pembantah yang telah membuat bantahan akan dijemput untuk menghadiri sesi Pendengaran Bantahan dikendalikan oleh Jawatankuasa Bantahan Senarai Nilaian Baharu.

Kedua-dua PBT telah menjalankan sesi Pendengaran Bantahan mulai 29 Oktober 2019 di empat (4) lokasi yang terletak di daerah Seberang Perai manakala tiga (3) lokasi di bahagian pulau. Jawatankuasa Bantahan Senarai Nilaian Baharu akan menyiasat segala bantahan tersebut dan pemilik pegangan yang membuat bantahan akan diberi peluang untuk didengar dalam penyiasatan itu sama ada mereka sendiri atau melalui ejen yang diberi kuasa. Justeru itu, sebarang keputusan bantahan yang dibentangkan di Mesyuarat Bantahan Nilaian Baharu akan dimaklumkan kepada setiap pembantah melalui surat rasmi.

Sesi bantahan kenaikan cukai taksiran telah diadakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bersama penduduk yang terlibat dan sesi ini telah berakhir pada 10 Mac 2020. Jumlah keseluruhan bantahan yang diterima oleh MBPP daripada pemunya bantahan berjumlah 54,459 pembantah dan jumlah yang hadir ke sesi bantahan cukai taksiran berjumlah 12,654 pembantah. Bagi kawasan MBSP pula sebanyak 40,666 pemunya pegangan telah membuat bantahan dan 12,502 telah hadir ke mesyuarat mendengar bantahan yang telah diadakan.

Walau bagaimanapun, disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), maka belum ada sebarang keputusan yang telah dibuat mengenai bantahan yang telah dikemukakan. Sehubungan itu sebelum sebarang keputusan dibuat, Kerajaan Negeri akan memastikan kesan wabak COVID-19 ini dijadikan salah satu faktor utama yang perlu dipertimbangkan bagi memastikan taraf kehidupan rakyat negeri ini tidak terjejas.

